

MAJLIS DAERAH **KERIAN**

www.mdkerian.gov.my

KARNIVAL HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2017



ANUGERAH TANDAS BERSIH KEBANGSAAN **KEJAYAAN BERGANDA**

Menarik Di Dalam





Perutusan Yang Dipertua

PENAUNG :

EN. HJ. ABD KHAIR BIN HJ. AHAMAD

PENASIHAT :

EN. MOHAMAD RAZIF BIN HJ. RAMLI

KETUA EDITOR :

EN. AZIZUL NAZLI BIN HJ. ABD HADI

EDITOR :

PN. NORAZIAH BINTI ZAINOL ABIDIN

PN. FATIMAH BINTI MAN

PN. SALIZA BINTI ISA

PN. NOORSHALINA BINTI PIN

EN. SHEIKH HALIM BINTI SAMSUDIN

EN. MOHD HAFIZ BIN YAHYA

PN. NORMEZURA BINTI MEHAT

PN. NOORSHEZAN BINTI SA'ADAN

PN. SOLEHAH BINTI SAAD

JURUGAMBAR :

EN. ZAINURUL HISHAM BIN ZAINAL ABIDIN

S I D A N G R E D A K S I

Assalamualaikum w.b.t. , Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia,
Salam Perak Amanjaya .

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bersua lagi dalam penerbitan buletin kali ini bagi berkongsi aktiviti dan maklumat yang telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kerian. Saya mengucapkan terima kasih serta sekalung tahniah kepada sidang redaksi yang telah bertungkus lumus menghasilkan buletin ini bagi memaparkan segala aktiviti yang telah dilaksanakan untuk tatapan umum.

Tahun 2017 merupakan tahun yang gemilang bagi Majlis Daerah Kerian kerana berkat usaha dan kerjasama daripada semua anggota kerja , pelbagai kejayaan dan kecemerlangan berjaya dikecapi. Antara kecemerlangan yang telah berjaya diperoleh iaitu ; Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia, Anugerah Pelancongan Negeri Perak dan Persijilan MS ISO 9001: 2015. Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia merupakan salah satu inisiatif pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi meningkatkan kesedaran kepada agensi kerajaan dan swasta dalam menjaga kebersihan tandas. Menurut perangkaan yang diterima, hanya 22.35 peratus sahaja tandas awam di negara ini mencapai tahap penarafan empat bintang ke atas dan ini menunjukkan masyarakat masih belum peka dalam menjaga mutu kebersihan tandas.

Pihak KPkt juga telah mewujudkan Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam Kebangsaan dan Manual Pembersihan Tandas Awam. Pelan tindakan yang dilaksanakan ini bertujuan merangka beberapa pembaharuan, penambahbaikan dan penyelarasian serta strategik bagi meningkatkan tahap kebersihan tandas di negara ini. Manual yang diberikan juga dapat membantu agensi kerajaan, swasta serta masyarakat mengenai tatacara dan kaedah pembersihan tandas dengan betul sebagai panduan seharian.

Kerajaan Negeri Perak juga berusaha merevolusikan tahap kebersihan tandas awam sebagai salah satu usaha menjadikan Negeri Perak sebagai negeri contoh dengan mempunyai tandas yang terbersih di negara ini. Kerajaan negeri juga telah menganjurkan kursus mengenai kebersihan tandas awam sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan dalam merealisasikan hasrat dan implan ini. YAB Menteri Besar menjadikan masyarakat Jepun sebagai contoh yang terbaik dari segi penjagaan dan pengurusan kebersihan tandas. Mentaliti masyarakat di negara ini perlu diubah seiring dengan tahap kemajuan negara bagi memupuk budaya kebersihan di kalangan masyarakat melalui pelbagai usaha termasuk kempen kesedaran.

Pada tahun ini, pengurusan tertinggi majlis telah melaksanakan peralihan persijilan MS ISO 9001 : 2008 kepada MS ISO 9001 : 2015. Dengan pembaharuan ini Majlis Daerah Kerian menjangkakan akan dapat ditingkatkan mutu perkhidmatan berdasarkan pematuhan kepada elemen dan kehendak MS ISO 9001 : 2015.

Sekian, Terima Kasih

Hj. Abd Khair Bin Hj. Ahamad
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

| | |
|---------------|--|
| m/s 3 | MAJLIS PERPISAHAN DAN PENGHARGAAN SETIAUSAHA MAJLIS |
| m/s 4 | MAJLIS BACAAN YASIN DAN SERAHAN TUGAS CERAMAH KESIHATAN PEKERJAAN |
| m/s 5 | EXECUTIVE TALK BERSAMA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI AUDIT SIRIM PERSIJILAN MS ISO |
| m/s 6 | JELAJAH MALAYSIA 2017 PARIT BUNTAR KG. RUN 2.0 PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN CABARAN GUNUNG SEMANGGOL |
| m/s 7 | PENILAIAN TANDAS ANUGERAH TANDAS BERSIH 1 MALAYSIA LAWATAN TANDAS KEMENTERIAN KESEAHTERAAN BANDAR PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN |
| m/s 8 | MAJLIS PENYERAHAN BENDERA SEMPERA SUKAN KERAJAAN TEMPATAN PERAK PERSIAPAN PASUKAN SEMPERA SUKAN KERAJAAN TEMPATAN PERAK 2018 |
| m/s 9 | SAMBUTAN HARI TERBUKA MMS / LA21 KERIAN |
| m/s 10 | MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN - PESTA TANGLONG - |
| m/s 11 | LAWATAN SAMBIL BELAJAR PAMERAN 8TH INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM) |
| m/s 12 | ANUGERAH TANDAS BERSIH 1 MALAYSIA KEJAYAAN BERGANDA CELEBRATING VISIT PERAK YEAR 2017 ANUGERAH PELANCONGAN NEGERI PERAK |
| m/s 13 | SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK 2017 |
| m/s 14 | BERSAMA MEMBUDAYAKAN KEBERSIHAN PROGRAM TURUN PADANG |
| m/s 15 | PROGRAM PENGKOMPOSAN BERSAMA KOMUNITI GOTONG ROYONG MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD TOWNHALL : PENIAGA TG. PIANDANG |

Majlis Perpisahan Dan Penghargaan Setiausaha Majlis

30 Nov - Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu majlis perpisahan dan penghargaan kepada Encik Mohamad Razif bin Hj. Ramli yang telah dinaikkan pangkat untuk memegang jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.

Beliau telah berkhidmat selama tujuh tahun di Majlis Daerah Kerian dan dalam tempoh tersebut pelbagai kejayaan dan pengalaman bersama-sama telah dilakarkan. Beliau sangat komited dalam melaksanakan tugas dan banyak memberi dorongan serta galakkan kepada anggota kerja sehingga memperoleh pelbagai kecemerlangan.

Yang Dipertua mewakili seluruh anggota kerja serta ahli majlis merakamkan penghargaan kepada Encik Mohamad Razif dan mendoakan agar beliau lebih berdaya maju di tempat baru.



Majlis Bacaan Yasin Dan Serahan Tugas

5 Okt - Majlis Bacaan Yasin yang dilaksanakan pada setiap bulan merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Kerian yang diadakan pada minggu pertama setiap bulan bertempat di Bilik Alamanda. Majlis pada kali ini juga diadakan untuk meraikan Encik Mohamad Razif bin Ramli yang telah dinaikkan pangkat sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.

Majlis penyerahan tugas Setiausaha Majlis telah diadakan selepas melaksanakan Majlis Bacaan Yasin. Encik Mohamad Razif bin Ramli telah menyerahkan surat penyerahan jawatan kepada Puan Norhafisah binti Mohamad Pegawai Perancang Bandar dan Lanskap yang dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Majlis Daerah Kerian yang baharu.

Majlis ini disaksikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian Tuan Hj. Abd Khair bin Hj. Ahamad , Cdr. Encik Abdullah bin Salleh Ketua Whip Ahli Majlis dan anggota kerja yang turut hadir.



Ceramah Kesihatan Pekerjaan

6 Okt - Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kerian telah mengadakan satu sesi perkongsian ilmu bersama semua anggota kerja berkaitan penjagaan pemakanan bertempat di Dewan Seri Kerian . Ceramah disampaikan oleh Encik Asrul Effendy bin Rashid Pegawai Zat Pemakanan dari Klinik Kesihatan Gunung Semanggol.



Executive Talk Bersama Setiausaha Kerajaan Negeri



29 Sept - Satu Majlis Perjumpaan Bulanan dan Executive Talk telah diadakan bertempat di Dewan Seri Kerian. Program perjumpaan bulanan ini telah dihadiri oleh YB. Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Kehadiran YB. Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk bertemu serta beramah mesra bersama semua anggota kerja majlis dan menyampaikan hasrat kerajaan negeri ke arah meningkatkan penyampaian mutu perkhidmatan agar lebih cemerlang.

Dalam perjumpaan ini juga, YB. Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengumumkan kenaikan pangkat dan pertukaran Setiausaha Majlis Encik Mohamad Razif bin Haji Ramli sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah serta kenaikan pangkat Pegawai Perancang Majlis Daerah Kerian sebagai Setiausaha Majlis Daerah Kerian yang baru.

Audit Sirim Persijilan MS ISO

Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan daripada pihak SIRIM pada 6 hingga 8 November 2017 bagi pelaksanaan pengauditan peralihan persijilan ISO 9001 : 2008 kepada persijilan MS ISO 9001 : 2015 selaras dengan perubahan kaedah pengurusan yang lebih cekap dan berkualiti.

Panel Audit SIRIM diketuai oleh Tuan Haji Ali bin Borhan dan disertai oleh dua orang pembantu pelaksanaan pengauditan iaitu Encik Wan Khairul bin Anuar dan Encik Abd Lataf bin Daud.





Jelajah Malaysia 2017 - Peringkat Kedua -



Tarikh : 4 Okt 2017

Tempat : Lumut - Kuala Kurau

Jarak : 145.2 KM

Parit Buntar Kg. Run 2.0



Tarikh : 16 Sept 2017

Tempat : Tg. Piandang

Bil. Peserta : 1500 orang

Program Pengukuhan Pasukan Cabaran Gunung Semanggol



Tarikh : 9 September 2017

Perserta : 32 Orang

Penilaian Tandas Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia

18 Mac - Majlis Daerah Kerian telah menyertai pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia yang dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi dua kategori iaitu tandas awam dan tandas bangunan kerajaan.

Dua orang panel dari KPCT telah hadir membuat penilaian yang diketuai oleh Encik Rizam bin Ahmad Penolong Pengarah Perunding Kesihatan Persekitaran JKT dan Encik Abdul Jamal bin Abd Razak. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan tandas di bawah selenggaraan majlis berada dalam keadaan bersih termasuk menjalankan kerjasama dengan penduduk setempat melalui kempen menjaga kebersihan tandas.



Lawatan Tandas Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



Jabatan Kesihatan Persekitaran Jabatan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan ke Majlis Daerah Kerian untuk melihat tahap kebersihan tandas yang berada di bawah seliaan dan pengurusan pihak majlis. Lawatan ini juga bertujuan untuk menilai kaedah penjagaan kebersihan tandas dan SOP yang digunakan.

Lawatan diketuai oleh Dr. Hasnah binti Bibon Pengarah Ketua Perunding Kesihatan Persekitaran JKT, Encik Rizam bin Ahmad Penolong Pengarah Perunding Kesihatan Persekitaran JKT dan Encik Abdul Rabbiar Rasul bin Mohd Nayan. Tiga lokasi tandas telah dilawati iaitu ; di Padang Bandaran Parit Buntar, Hentian Raya Pusat Bandar Parit Buntar dan pejabat majlis.

Pihak majlis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak JKT yang telah memilih tandas awam di bawah pengurusan majlis untuk dipromosikan di dalam salah satu segmen rancangan RTM. Ini merupakan salah satu penghargaan kepada pihak majlis kerana ia memberi nilai tambah bagi penyertaan pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia yang dianjurkan oleh pihak KPCT.

Majlis Penyerahan Bendera Sempena Sukan Kerajaan Tempatan Perak

26 Okt - Pengurusan majlis serta Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu program ramah mesra bersama kontinjen dan pemain yang akan menyertai Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan yang akan diadakan di Kampar. Yang Dipertua Tuan Haji Abd Khair bin Haji Ahamad turut menyerahkan bendera kepada semua ketua pasukan setiap acara dan kata-kata semangat kepada semua pemain. Yang Dipertua Majlis berharap semua pemain yang telah terpilih dapat memberi saingan kepada PBT bertaraf perbandaran dan bandaraya bagi menjulang nama Majlis Daerah Kerian serta memperbaiki kedudukan dan pencapaian edisi sebelumnya.



Persiapan Pasukan Sempena Sukan Kerajaan Tempatan Perak 2018

Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Kerian di bawah Biro Sukan telah mengaturkan beberapa perlawanan persahabatan bagi semua pasukan yang bertanding pada kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Perak. Perlawanan persahabatan yang dilakukan ini sangat penting bagi mengenal pasti kelemahan yang ada pada setiap pasukan untuk ditambah baik sebelum menjelang hari kejohanan.



Sambutan Hari Terbuka MMS / LA21 Kerian

20 Disember - Majlis Masyarakat Sivil (MMS) dan LA21 Kerian telah menganjurkan Hari Terbuka bertempat di Bangunan LA21, Taman Damai, Parit Buntar. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sempena hari terbuka berkenaan bagi memberi maklumat dan pendedahan kepada masyarakat setempat berkaitan fungsi serta peranan MMS / LA21 ini serta kegunaan dan fungsi bangunan tersebut. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti senamrobik, pengumpulan barang kitar semula, pameran, sukan dalaman, pertandingan gubahan barang kitar semula dan lain - lain lagi. Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Tuan Haji Abdul Khair bin Haji Ahamad Yang Dipertua Majlis serta turut dihadiri oleh Puan Norhafisah binti Mohamad Setiausaha Majlis, Encik Abdullah bin Salleh Ketua Whip Ahli Majlis dan Tuan Haji Tajul Hasnan Pengurus MMS / LA21 Kerian.



Malam Kebudayaan Dan Kesenian

- Pesta Tanglung -

13 Okt - Majlis Masyarakat Sivil (MMS) / LA 21 Kerian dengan kerjasama Majlis Daerah Kerian telah menganjurkan Malam Kebudayaan dan Kesenian Kerian bertemakan Pesta Tanglung bertempat di Taman Pinggiran Sg. Kerian Parit Buntar.

Pada malam tersebut juga turut diadakan pertandingan tanglung dimana sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu kategori sekolah rendah dan terbuka. Sebanyak 84 penyertaan diterima merangkumi kedua - dua kategori. Selain itu, persembahan daripada pelajar sekolah melibatkan semua kaum juga turut dipersembahkan.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah pertandingan telah disempurnakan oleh YDH. Dato' Haji Meor Redwan bin Mahyudin Orang Besar Jajahan Kerian. Majlis juga turut dihadiri oleh YB. Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak , YB. Dato' Sham bin Mat Sahat ADUN Alor Pongsu, Tuan Haji Mohd Sabli bin Bakri Pegawai Daerah Kerian, Encik Mohamad Razif bin Ramli Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah serta Ahli Majlis Daerah Kerian.



Lawatan Sambil Belajar



| | |
|---------------------|---|
| Tarikh | : 13 - 16 Disember |
| Tempat | : Shanghai, China |
| Bil. Peserta | : 18 orang terdiri dari Ahli Majlis & Ketua Jabatan |
| Tujuan | : Berkongsi maklumat pengurusan bandar yang baik bersama wakil Konsulat Jeneral Malaysia. |

Pameran 8th International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)



| | |
|------------------------|---|
| Tarikh | : 11 - 13 Okt 2017 |
| Lokasi | : Hall 4 ,Kuala Lumpur Convention Centre |
| Pameran | : Majlis Daerah Kerian Telah Membentangkan Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH). Ianya Bertujuan Menggalakkan Penggunaan Teknologi Hijau Dalam Kehidupan Seharian. |
| Dirasmikan Oleh | : Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili Menteri Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air. |

Kejayaan Berganda

18 Dis - Majlis Penyampaian Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor.

Pihak Majlis Daerah Kerian sangat berbangga dan berbesar hati menerima dua anugerah Perak bagi dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori tandas awam dan kategori bangunan kerajaan.

Anugerah disampaikan oleh YB. Datuk Halimah binti Mohd Sadique Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Yang Dipertua Tuan Haji Abd Khair bin Haji Ahamad serta Setiausaha Majlis. Turut sama hadir pada majlis berkenaan Ketua Jabatan Kesihatan Persekutuan dan 28 anggota kerja Majlis Daerah Kerian.



Celebrating Visit Perak Year 2017
Anugerah Pelancongan Negeri Perak

31 Okt - Pihak Tourism Perak telah mengadakan satu majlis Anugerah Pelancongan Negeri Perak bertempat di Kinta Riverfront Hotel, Ipoh bagi memberi penghargaan kepada pengamal media serta penggiat pelancongan dalam usaha mempromosikan Tahun Melawat Perak 2017. Pihak Majlis Daerah Kerian telah dipilih menerima Anugerah PBT Berinovasi berdasarkan kepada usaha - usaha yang telah dilakukan menjadikan Kerian sebagai salah satu destinasi pelancongan. Anugerah disampaikan oleh YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak diiringi oleh YB. Dato' Nolee Ashilin binti Mohamad Radzi, EXCO Negeri Perak.



Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2017

17-19 Nov - Majlis Daerah Kerian telah menghantar seramai 112 orang pegawai dan atlet bagi menyertai Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Perak tahun 2017 di daerah Kampar. Kejohanan kali ini melibatkan keseluruhan 10 acara sukan iaitu bola sepak, badminton, bola jaring, boling, ping pong, sepak takraw, karom, dart, tarik tali dan golf. Bagi edisi kali ini, Majlis Daerah Kerian gagal mengekalkan kedudukan edisi lalu iaitu di tempat ketiga dan hanya berpuas hati mendapat tempat ketiga bagi acara dart selain memenangi pertandingan kawad. Majlis perasmian dan upacara pembukaan dirasmikan oleh YB. Dato' Hjh. Rusnah binti Kassim EXCO Kerajaan Tempatan.





BERSAMA MEMBUDAYAKAN KEBERSIHAN



Tarikh : 17 Sept 2017
Lokasi : Taman Serai Maju
Penglibatan : Penduduk Setempat

Tarikh : 27 Oktober 2017
Lokasi : Tanah Perkuburan Masjid Ar - Ridzuan
Penglibatan : JKKK & NGO



Tarikh : 11 Nov 2017
Lokasi : Kg. Tersusun Kuala Gula
Penglibatan : Penduduk setempat

Program Turun Padang



Tarikh : 3 Sept 2017
Lokasi : Sekitar Parit Buntar
Tujuan : Melawat Kawasan Banjir kilat



Tarikh : 5 Sept 2017
Lokasi : Pekan Lama Parit Buntar

Program Pengkomposan Bersama Komuniti

25 Nov - MMS / LA21 kerian telah mengadakan satu program pengenalan pembuatan baja kompos kepada komuniti bertempat di Taman Pekan Baru Parit Buntar. Kawasan berkenaan dipilih pada peringkat awal kerana penglibatan penduduk yang sangat aktif dalam mengusahakan kebun kejiranannya bagi menambahkan ekonomi penduduk setempat. Penerangan berkaitan penghasilan baja kompos dilakukan oleh wakil Jabatan Pertanian Daerah Kerian.



Gotong Royong My Beautiful Neighbourhood

Tarikh : 13 Okt 2017

Tempat : Taman Bagan Serai

Penglibatan : Jabatan Kerajaan , NGO, Pelajar dan penduduk



Townhall : Peniaga Tg. Piandang

Tarikh : 12 Disember 2017

Tempat : Tapak pasar, Taman Piandang Indah

Kehadiran : Penghulu Mukim, PDRM, JPS, JKR, Ahli Majlis, Penjaja

Tujuan : Membincangkan pemindahan peniaga di Pekan Tg. Piandang ke lokasi baharu di Taman Piandang Indah bagi mengatasi masalah lalulintas dan memberi ruang kepada pihak JKR untuk melakukan kerja menaiktaraf longkang besar di kawasan berkenaan.



Bukit Merah
Laketown

Ban Pecah
Tg. Plandang

Pinggiran
Sg. Kerian

VISIT
PERAK
MALAYSIA
2017

World of Wonders

Kuala
Gula
Resort

Kuala
Gula Bird
Sanctuary

Pulau
Orang
Utan

Arowana
Farm



Majlis Daerah Kerian

No. 1, Wisma MDK,
Jalan Padang, 34200 Parit Buntar, Perak
Tel : 05 716 1228 Faks : 05 716 9268

Emel : pentadbiran@mdkerian.gov.my